

**HEBAHAN  
PERMOHONAN JAWATAN  
PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN GRED DG41 BAGI  
GRADUAN BUKAN PENDIDIKAN TAHUN 2023**

Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) mempelawa graduan bukan pendidikan yang telah **menamatkan pengajian dan memperoleh keputusan senat universiti** pada tarikh tutup hebahan ini bagi memohon jawatan sebagai **Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG41 secara *CONTRACT OF SERVICE (COS)*** di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

**1. KETERANGAN**

1.1. Syarat-syarat lantikan PPP Gred DG41 (*Contract of Service*):

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup hebahan ini;
- (c) Memiliki kelayakan seperti berikut:
  - i. ijazah sarjana muda dalam bidang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi tempatan (universiti awam dan swasta) dan luar negara yang diiktiraf oleh Kerajaan; atau
  - ii. ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi tempatan (universiti awam dan swasta) dan luar negara yang diiktiraf oleh Kerajaan;
- (d) Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- (e) Bagi opsyen mata pelajaran Bahasa Inggeris, keutamaan akan diberikan kepada graduan yang mencapai sekurang-kurangnya **C1** dalam piawaian *Common European Framework of Reference (CEFR)*. Senarai ujian yang diwajibkan dengan CEFR adalah seperti di [Lampiran 1](#);

- (f) Bagi opsyen mata pelajaran di SJKC (kecuali Bahasa Melayu/Pendidikan Islam/Bahasa Inggeris), graduan perlu memiliki sekurang-kurangnya Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam mata pelajaran Bahasa Cina di peringkat SPM;
- (g) Bagi opsyen mata pelajaran di SJKT (kecuali Bahasa Melayu/Pendidikan Islam/Bahasa Inggeris), graduan perlu memiliki sekurang-kurangnya Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam mata pelajaran Bahasa Tamil di peringkat SPM;
- (h) Bagi opsyen Tahfiz, graduan disyaratkan memiliki Diploma Tahfiz atau Sijil Tahfiz Malaysia (STM) yang diiktiraf oleh Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) atau Diploma Tahfiz dari Institusi yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Bagi graduan yang memiliki Ijazah Sarjana Muda Takhassus Qiraat/Tahfiz Wal Qiraat yang diiktiraf oleh MQA **dikecualikan** daripada syarat tersebut; dan
- (i) Bagi opsyen mata pelajaran Bahasa Semai/ Kadazandusun/ Iban, graduan perlu memiliki **kelulusan** dalam bidang Bahasa Semai/ Kadazandusun/ Iban. Graduan yang **tidak memiliki kelulusan tersebut**, tetapi merupakan **penutur asli (*native speaker*)** atau yang **mempunyai penguasaan yang baik** dalam bahasa tersebut juga layak untuk dipertimbangkan.

## 2. MAKLUMAT JAWATAN

- 2.1 Jawatan/Gred: Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 (*Contract of Service*).
- 2.2 Gaji permulaan **RM2,188.00**.
- 2.3 Pelantikan sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 (*Contract of Service*) adalah tertakluk kepada Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian UP.1.1.1. dan Ceraian UP.1.1.8.; dan
- 2.4 Layak menerima caruman PERKESO berdasarkan surat Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) rujukan PKJ:KJ.208/KPM bertarikh 24 April 2019 dan surat Jabatan Perkhidmatan Awam rujukan JPA.600-12/1/11(29) bertarikh 16 Mei 2019.

### 3. GRADUAN YANG TIDAK LAYAK MEMOHON

- 3.1 Graduan yang sedang berkhidmat secara tetap dengan Kerajaan Malaysia tidak layak memohon sebagai PPP DG41 (*Contract of Service*);
- 3.2 Graduan yang masih terikat dengan kontrak perkhidmatan Agensi Kerajaan;
- 3.3 Graduan pendidikan;
- 3.4 Guru interim;
- 3.5 Pernah ditamatkan atau dibuang kerja dari Perkhidmatan Awam;
- 3.6 Seorang bankrap; dan
- 3.7 Memperoleh keputusan senat universiti selepas **21 April 2023**.

### 4. CARA MENGEMUKAKAN PERMOHONAN

- 4.1. Calon yang memenuhi syarat dikehendaki memohon atau mengemas kini maklumat permohonan melalui **Sistem Pengambilan Anggota Perkhidmatan Pendidikan (mySPP)** (<https://myspp.spp.gov.my/>) sebelum atau pada **21 April 2023 (Jumaat)**.
- 4.2. Calon adalah diingatkan untuk memastikan maklumat yang diisi atau dikemas kini di dalam mySPP adalah tepat. Sebarang kesilapan dalam mengisi atau mengemas kini maklumat akan menjejaskan peluang untuk dipanggil temu duga.
- 4.3. Calon **TIDAK DIBENARKAN** untuk mengemas kini permohonan daripada tarikh tutup hebahan bermula **22 April 2023 sehingga 1 Jun 2023**.

### 5. MAKLUMAT DAN PERHATIAN

- 5.1. Graduan yang layak perlu menduduki **Ujian Kelayakan Calon Guru (UKCG) secara dalam talian** sebelum ditemu duga bagi jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan DG41 (*Contract of Service*). Maklumat lanjut berkaitan UKCG akan dimaklumkan selepas tarikh tutup hebahan;

- 5.2. **SEMUA GRADUAN YANG MEMILIKI C1** dalam piawaian *Common European Framework of Reference* (CEFR) dikehendaki mengemukakan salinan keputusan kepada [pengambilan@spp.gov.my](mailto:pengambilan@spp.gov.my). Senarai ujian yang diajarkan dengan CEFR adalah seperti di **Lampiran 1**.
- 5.3. Graduan yang lulus temu duga dan ditawarkan jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 (*Contract of Service*) hendaklah bersetuju dan patuh dengan syarat-syarat di dalam surat tawaran serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa dan **bersedia untuk berkhidmat di mana-mana sekolah sama ada di kawasan bandar atau pedalaman**;
- 5.4. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 (*Contract of Service*) yang **tiada ikhtisas pendidikan diwajibkan** mengikuti **Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP)** yang akan dikendalikan oleh Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) bagi mendapatkan ikhtisas pendidikan dengan **pembiayaan sendiri** dalam tempoh kontrak;
- 5.5. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 (*Contract of Service*) dikehendaki berkhidmat di sekolah yang ditetapkan dan **tidak akan dipertimbangkan sebarang permohonan pertukaran** sepanjang tempoh kontrak;
- 5.6. Graduan perlu mendapatkan surat pengiktirafan ijazah daripada MQA untuk dibawa semasa menghadiri temu duga; dan
- 5.7. Graduan boleh menyemak taraf kelayakan pendidikan di pautan berikut:
  - (a) <https://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm>; atau
  - (b) <https://www2.mqa.gov.my/mqr/>

## 6. **TARIKH TUTUP PERMOHONAN**

**21 April 2023 (Jumaat)**

## SENARAI UJIAN YANG DIJAJARKAN DENGAN CEFR

BIL.	UJIAN	SKOR	CEFR C1/C2
1	Malaysian University English Test (MUET)	294-330 Band 5	C1
		331-360 Band 5+	C1+
2	International English Language Testing System (IELTS)	7.0 - 8.0	C1
		9.0	C2
3	C2 Proficiency	180 – 199	C1
		200 – 230	C2
4	Aptis Advanced	All components 25% weightage	C1/C2
5	C1 Advanced (dulu dikenali sebagai CPE)	180 – 192 (Grade C)	C1
		193 – 199 (Grade B)	
		200 – 210 (Grade A) – C2	C2
6	Test of English as a Foreign Language (TOEFL)	94 – 114 (Good User)	C1
		115 – 117 (Very Good User)	C2
		118 – 120 (Expert User)	
7	Linguaskill	180+	C1

Sumber: Lampiran Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 1 Tahun 2020